

KETOKOHAN DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI DALAM DAKWAH

Safinah Ismail

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

safinah@kuis.edu.my

Norsaadah Nasiruddin@Din

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

norsaadah@kuis.edu.my

Aina Aqilah Bt Amran

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Salsabila Bt Isa

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri merupakan tokoh agamawan ini tidak asing lagi dalam dunia dakwah di Malaysia. Beliau sering muncul di kaca televisyen sama ada ketika mengendalikan slot khas dan juga sebagai panel tetamu dalam pelbagai rancangan berbentuk keagamaan. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang ketokohan Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam dakwah. Objektif kajian ini adalah meneroka latar belakang Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan ketokohnya. Metode penyelidikan yang telah digunakan adalah metode dokumentasi dan temubual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri merupakan mufti dan ulama yang aktif dalam bidang dakwah, beliau mendapat pendidikan di dalam dan luar negara. Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, tokoh ilmunan terkemuka, berpengalaman sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Terengganu. Beliau telah dilantik sebagai Mufti Wilayah Persekutuan hingga kini. Beliau merupakan pengasas pondok moden al-Abaqirah dan institut hadith iaitu Maalim al-Sunan li Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyyah di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Diharapkan kertas kerja ini dapat dijadikan teladan kepada masyarakat umum dari sudut kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu dan ketokohnya.

Kata Kunci : Tokoh, Ulama, Pendakwah, Dakwah

Pengenalan

Zulkifli Mohamad Al-Bakri adalah cerminan seorang ulama dan pendakwah yang mewakafkan diri untuk memartabatkan Islam ditempat yang selayaknya (Safinah Ismail dan Syarul Azman Shahrudin, 2016). Beliau sering muncul di kaca televisyen sama ada ketika mengendalikan slot khas dan juga sebagai panel tetamu dalam pelbagai rancangan berbentuk keagamaan. Dalam kertas kerja ini membincangkan tentang ketokohan Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang berkaitan latar belakang pendidikan, perkahwinan, kitab-kitab dan guru-guru yang beliau

pernah pelajari, penglibatan beliau dalam bidang dakwah dan jawatan yang pernah disandang dan buku-buku yang telah dihasilkan.

Latar Belakang

Nama penuh beliau ialah Zulkifli Mohamad Al-Bakri, beliau juga mempunyai nama pena iaitu Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri. Dilahirkan pada tanggal 16 Januari 1969. Beliau dilahirkan di Kg. Gong Pauh, Kemaman, Terengganu. Beliau mempunyai adik-beradik seramai 10 orang dan merupakan anak yang ke 3. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat didikan agama Islam yang taat pada perintah Allah dan Rasul-Nya. Sifat dan sikap yang lahir dari beliau merupakan hasil dari pengamalan ilmu yang beliau belajar (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014).

Perkahwinan

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mendirikan rumah tangga bersama pasangannya iaitu Dr. Shereen Binti Mohd Yunos, isteri beliau sebagai Pegawai Perubatan dan bertugas di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban. Hasil perkahwinan beliau bersama pasangannya dikurniakan 5 cahaya mata, terdiri dari tiga orang lelaki dan dua orang perempuan. Anak-anaknya ialah Muhammad Hasanain Bin Zulkifli lahir pada tahun 1998, Hammad Bin Zulkifli lahir pada tahun 2000, Sofia Binti Zulkifli lahir pada tahun 2002, Abdul Syakur Bin Zulkifli lahir pada tahun 2005, Istisyhad Binti Zulkifli lahir pada tahun 2012. Beliau membesarkan zuriat-zuriatnya dengan suasana Islam dan amat menitik beratkan soal pendidikan ilmu-ilmu agama. (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014)

Pendidikan

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mendapat pendidikan awal agama daripada kedua ibu bapanya dan belajar di Sekolah Kebangsaan Rengas Bekah, Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun 1976 sehingga tahun 1981, kemudian beliau meyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Ladang, Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun 1982 sehingga tahun 1984, dan seterusnya bertukar ke Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala Terengganu, Terengganu, Aliran Thanawi pada tahun 1985 sehingga tahun 1988.

Pada peringkat pengajian tertinggi beliau, bermula dengan Sarjana Muda Syariah, Kulliyah Al-Syariah, Universiti Islam Madinah, Madinah Al-Munawwarah, Arab Saudi pada tahun 1989 sehingga tahun 1993, kemudian Diploma Syariah, Universiti Ilmu-Ilmu Islam Dan Arab, Jami' Al-Sadat, Damsyik, Syria pada tahun 1994 sehingga tahun 1995, seterusnya Sarjana Syariah, Universiti Ilmu-Ilmu Islam Dan Arab, Jami' Al-Sadat, Damsyik, Syria pada tahun 1995 sehingga tahun 1997 dan akhir sekali beliau mengambil Doktor Falsafah (P.H.D), Pengkhususan Fatwa, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia pada tahun 2002 sehingga tahun 2004.

Selain itu, beliau juga tidak ketinggalan dalam pembelajaran secara talaqqi dan menghabiskan pengajian tersebut selama sembilan tahun. Beliau juga telah mendapat ijazah daripada Syeikh Rusdi untuk mengajar kitab-kitab yang tersebut di atas dan juga mendapat ijazah secara sanad yang bersilsilah daripada Al-Syeikh Dr. `Abd Al-Latif Soleh Al-Farfur (Ahli Majlis Mujamma' Al-Fiqh, Rabitah Al-`Alami Al-Islami). Beliau mempunyai bidang kepakaran iaitu dalam bidang fiqh dan usul, fatwa dan tasawwuf. (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014) Ulama yang hebat mempelajari ilmu dari ulama yang hebat (Adelina Nasution, 2018). Begitu juga dengan Dr Zulkifli al Bakri, beliau mempelajari secara talaqqi daripada .guru-guru yang hebat antaranya :

1 . Syeikh Muhammad Ali Al-Thani (Imam Masjid Nabawi): 1989-1993.

- *Fath Al-Bari Syarah Sahih Al-Bukhari Jilid 12 dan 13.*
- *Sahih Muslim Syarah Nawawi Jilid 1, 2, 3 dan 4.*
- *Tafsir Ibn Kathir (Sebahagiannya).*
- *Tafsir Fath Al-Qadir Oleh Al-Syaukani (Sebahagiannya).*

2. Syeikh Rusydi Bin Salim Qalam (Imam Masjid Abdullah Bin Rawahah, Damsyik, Syria): 1994-1997.

Kitab Tauhid

- *Syarah Al-`Allamah Abd Al-Salam `Ala Jauharah Al-Tauhid.*
- *Syarah Al-`Aqidah Al-Tahawiah Oleh Syeikh Abd Ghani An-Nuaimin.*
- *Syarah Al-`Aqid Al-Nasafiah Oleh Al-Taftazani.*
- *Kitab Al-`Aqid Oleh Al-Imam `Izzuddin Bin Abd Al-Salam.*
- *`Aqidah Syamsuddin Al-Asbihani.*

Usul Al-Fiqh

- □ *Kitab Al-Luma' oleh Al-Syirazi.*

Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah

- *Kitab Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah oleh Syeikh `Izzat Ubaid Al-Da'as.*

Nahu

- *Qatr Al-Nada oleh Ibn Hisyam.*
- *Sebahagian Alfiah Ibn Malik.*

Kitab Tasawwuf

- *Syarah Al-Hikam oleh Al-Syurnubi.*
- *Al-Risalah Al-Qusyairah oleh Imam Abd Karim Al- Qusyairi.*
- *Taj Al-`Arus oleh Ibn `Ataillah Al-Sakandari.*

Kitab Adab dan Mantiq

- *Adab al-Bahsi Wa Al-Munazarah Oleh Syeikh Muhyiddin `Abd Al-Hamid.*

3. Syeikh Dr. Muhammad Muhammad Al-Mukhtar Al-Syanqiti, (Mantan Pensyarah Universiti Islam Madinah Dan Lajnah Kibar Ulama' Saudi).

- *Bulugh Al-Maram (Sebahagiannya).*
- *Umdah Al-Ahkam (Sebahagiannya).*

4. Syeikh Sadiq Habannakah.

- *I'alah Al-Talibin (Sebahagiannya).*
- *Kifayah Al-Akhyar (Sebahagiannya).*
- *Tafsir Al-Khazin (Sebahagiannya).*
- *Tafsir Al-Jalalain (Sebahagiannya).*

5. Syeikh Al-Muhaddith Abdul Qadir Al-Arnaut.

- *Kitab Al-Ba`is Al-Hasis (Sebahagiannya).*
- *Kitab Hadis (Sebahagiannya).*

6. Syeikh Prof. Dr. Muhammad Abd Latif Soleh Al- Farfur.

- *Al-Arba'un Al-Sihah.*
- *Futuhah Al- Makkiiyah (Sebahagiannya).*

7. Tuan Guru Haji Abdul Rahman Al-Fathoni

- *Matan Al-Jurumiyah.*
- *Matan Asas Wal Bina'*
- *Kitab At-Tauhid*
- *Tafsir Al-Jalallain (Sebahagiannya).*
- *Kitab Iqna' (Sebahagiannya).* (Aina Aqilah Amran dan Salsabila Isa, 2014)

Penglibatan Dalam Bidang Dakwah

Setiap tokoh mempunyai sumbangan yang tersendiri yang mampu diberikan atau dicurahkan. Tidak terkecuali dengan al Fadhil Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang mana beliau juga banyak memberikan sumbangan sepanjang penglibatan dalam dakwah Islamiyyah (Safinah Ismail dan Syarul Azman Shaharuddin, 2016) sama ada berdasarkan jawatan yang pernah disandang dan penulisan buku.

Jawatan Yang Pernah Disandang:

Beliau telah memberikan sumbangan yang banyak. Antara jawatan yang disandang antaranya:

1. Pensyarah Kanan Kolej Uniti, Port Dickson: 1997–2006.
2. Pakar Rujuk Mustolah Hadith dan Hadith, (STAM): 2002.
3. Ahli Jawatankuasa Kawalan Mutu, Tasawuf Islam Tingkatan Lima: 2003.
4. Pengerusi Panel Syariah, Bank Pertanian Malaysia: 2006- 2008.
5. Panel Penilai Jawatankuasa AD-HOC Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA Bagi Penilaian Pengiktirafan Program Ijazah Sarjana Muda Program
6. Ijazah Sarjana Muda Syariah Dari Universiti Malaya (UM): 2007.
7. Anggota Lajnah Tashih Tafsir Pedoman Muttaqin: 2007.
8. Panel Penilai Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency MQA) 2007.
9. Anggota Pasukan Penyemakan Tafsir Pedoman Muttaqin dan Majlis Perbincangan. (April 2008)
10. Pengerusi Penyediaan Modul Asas Pengurusan Fatwa, JAKIM 2008.
11. Penulis Karya Tokoh-tokoh Islam DBP dan Baryazi, 2008.
12. Ahli Jawatankuasa Malaysian Finalcial Planning Council MFPC. 2008.
13. Penasihat Akademik dalam Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Program Sarjana Syariah (Pengurusan). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Oktober 2008.
14. Ahli Panel Forum Perdana. Konsep Ilmu Dalam Pembangunan Aqidah.
15. Konvensyen Modal Insan Peringkat Luar Bandar (KPLB) 2009.
16. Panel Penapis Filem dan Drama Berunsur Islam. Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran JAKIM. 2008.

17. Panel Penerbitan Buku Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 2009.
18. Panel Temuduga Guru Agama Ke Tanah Suci Musim Haji 1431 H.
19. Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2000-2010).
20. Ahli Lembaga Pengarah Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
21. Ahli Lembaga Pengarah Sumber Hukumak Enterprise.
22. Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu: Sejak 2005.
23. Penulis Tamu Jakim: Sejak 2006.
24. Ahli Panel Kajian Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (April 2008-April 2011)
25. Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM): 2008.
26. Panel Penyelidik Pusat Zakat Negeri Sembilan. (April 2008)
27. Panel Kajian Syariah, JAKIM 2011.
28. Panel Syariah Bank Muamalat Malaysia (April 2011)
29. Pengerusi Penggubalan Modul Fatwa JAKIM (Oktober 2012).
30. Panel Syariah WAKAF Selangor Muamalat (Oktober 2012).
31. Karyawan Tamu INFAD. USIM (2013 sehingga kini).
32. Panel Pakar Syariah, JAKIM (2013 sehingga kini)..
33. Panel Penasihat Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia, USIM.
34. Panel Penasihat Syariah Syembara Penulisan Kreatif (Cerpen Berunsur Islam) Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Maulidur Rasul Kementerian Pendidikan Malaysia 1435H (2014). (Aina Aqilah Amran dan Salsabila Isa, 2014)
35. Mufti Wilayah Persekutuan hingga kini.
36. Pengasas pondok moden al-Abaqirah dan institut hadith iaitu Maalim al-Sunan li Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyah di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Karya Penulisan

Dakwah bukan hanya sekadar lisan, bahkan boleh menggunakan medium penulisan untuk memberi penerangan, menyajikan dan menjelaskan, serta mengabadikan sesuatu dan memindahkan pengetahuan dan informasi kepada masyarakat (Ahmad Zaini, 2014). Sepanjang penglibatan dakwah, Dr Zulkifli al Bakri telah menghasilkan banyak karya penulisan (Safinah Ismail dan Syarul Azman Shaharuddin, 2016) yang meliputi pelbagai bidang seperti ibadah, tokoh, pendidikan, fatwa, tasawwuf, kemasyarakatan dan keagamaan. Contohnya adalah seperti berikut:

Tahun 2005 (8 buah buku). Antaranya:

1. *Hukum Wanita Menjadi Imam Solat Kontroversi Solat Jumaat Dr. Amina Wadud:* Cetakan Pertama, Darul Fuqaha.
2. *Menyelusuri Ikhtilaf Mazhab, Antara Keterikatan & Keterbukaan, Perpaduan & Perpecahan:* Cetakan Pertama, Darul Fuqaha.
3. *Hukum Jampi Dan Pakai Tangkal:* Cetakan Pertama, Darul Fuqaha.
4. *Hukum Bacaan Al-Quran Untuk Si Mati, Adakah Sampai Pahalanya?* Cetakan Pertama, Darul Fuqaha.
5. *Hukum Makan Katak dan Berubat Dengannya:* Cetakan Pertama, Darul Fuqaha.

Tahun 2006 (16 buah buku). Antaranya:

1. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 1*: Cetakan Pertama 2006, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
2. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 2*: Cetakan Pertama 2006, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
3. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 3*: Cetakan Pertama 2006, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
4. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 4*: Cetakan Pertama 2006, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
5. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 5*: Cetakan Pertama 2006, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Tahun 2007 (28 buah buku). Antaranya:

1. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 11*: Cetakan Pertama 2007, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
2. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 12*: Cetakan Pertama 2007, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
3. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 13*: Cetakan Pertama 2007, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
4. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 14*: Cetakan Pertama 2007, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
5. *Al-Ma'alim Al-Hadhariah Siri 15*: Cetakan Pertama 2007, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Tahun 2008 (32 buah buku). Antaranya:

1. *Ahkam Al-Akikah*: Cetakan Pertama 2008, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
2. *Institusi Fatwa Dalam Enakmen Perundangan Islam Negeri Sembilan*. Cetakan pertama 2008, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
3. *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*. Cetakan pertama 2008, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
4. *Tafsir Al-Quran Ayat-ayat Ulul Albab, Siri 1*: Cetakan Pertama 2008, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
5. *Tafsir Al-Quran Ayat-ayat Ulul Albab, Siri 2*: Cetakan Pertama 2008, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Tahun 2009 (7 buah buku). Antaranya:

1. *Soal Jawab A-Z Tentang Tasawuf Tapi Anda Tiada Tempat untuk Bertanya*, Cetakan Pertama 2009, Telaga Biru Sdn. Bhd.
2. *Integriti Dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah*, Cetakan Pertama 2009, Institut Integriti Malaysia (IIM).
3. *Isu Kalimah Allah: Hukum Penggunaannya Bagi Bukan Islam*, Cetakan Pertama 2009, Tuan Sharifah Islamic Foundation. *Syarah al-Hikam Jilid 1*, Cetakan Pertama 2009, Telaga Biru Sdn. Bhd.
4. *Palestin Tak Pernah Gentar: Fatwa Kontemporari dan Penyelesaiannya*, Cetakan Pertama 2009, Telaga Biru Sdn. Bhd.

5. *Al-Dirasat Wa Al-Buhuth Al-Ilmiah: Kajian & Penyelidikan Ilmiah*, Cetakan Pertama 2009, Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Tahun 2010 (14 buah buku). Antaranya:

1. *Solat Sunat Pilihan* 2. Cetakan Pertama 2010, Telaga Biru Sdn. Bhd.
2. *Halal dan Haram dalam Islam*. Cetakan Pertama 2010, Darul Syakir Enterprise.
3. *Irsyad Al-Qari, Jil.2*. Cetakan Pertama 2010, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
4. *Iktibar Dan Hikmah Maulidur Rasul (Syarahan Perdana)*. Cetakan Pertama 2010, Darul Syakir Enterprise. (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014)

Prinsip Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri

'IQRA' bermaksud 'BACALAH'. Ayat ini adalah ayat pertama yang diwahyukan kepada Rasulullah dari surah Al-Alaq. Sebagai umat Islam, wajarlah kita yang lebih mengetahui akan seruan Allah SWT ini. Membaca dengan maksud memahami, mengamalkan dan menyebarkan. Umat Islam zaman ini lemah akibat dari kurang membaca dan mengkaji.

Seorang dai hendaklah melakukan dakwahnya dengan cara-cara yang bijaksana dan memberi perhatian yang teliti terhadap keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang melingkungi orang yang hendak disampaikan dakwah itu kepada mereka. Perlu juga memberi perhatian yang teliti terhadap kadar dakwah setiap kali disampaikan kepada mereka supaya ia tidak memberatkan mereka dan tidak seharusnya menyulitkan mereka dengan taklif-taklif yang berat sebelum mereka bersedia untuk menerimanya. Juga memberi perhatian yang teliti terhadap cara berbicara dengan mereka dan mempelbagaikan cara-cara penyampaian ini mengikut kehendak-kehendak keadaannya yang sesuai. Ia tidak seharusnya dikongkong oleh semangat yang berkobar-kobar dan keghairahan yang terburu-buru hingga melampaui batas hikmah kebijaksanaan dalam melaksanakan semua langkah-langkah tersebut atau lainnya. (Aina Aqilah Amran dan Salsabila Isa, 2014).

Sehubungan itu, penguasaan ilmu adalah ciri penting bagi seorang daie dan soal demikian sangat dititikberatkan dalam Islam. Menurut Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, seorang pendakwah merupakan sesuatu yang amat mahal dan lontaran buah mulutnya menjadi kata-kata perangsang berguna kepada sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian kata Dr Zulkifli, adab yang perlu dimiliki oleh setiap pendakwah terbahagi kepada dua iaitu menjaga hubungan dengan Allah SWT dan kedua, yang paling utama adalah pencakapannya selari dengan perbuatan.

Maka atas sandaran itu, beliau memberitahu, sekiranya perbuatannya bertentangan dengan percakapan maka kesan dakwahnya akan jatuh dan tidak berkesan pada hati mad'unya.

“Hal ini diumpamakan seorang doktor sedang merawat pesakit dan menasihati mereka supaya menjaga kesihatan tetapi beliau sendiri berpenyakit.

“Demikian juga hakikatnya yang berlaku kepada para pendakwah. Jika situasi itu berlaku, maka timbul keadaan seseorang menyuruh bertaqwa tetapi dia tidak bertaqwa,” tegas Dr Zulkifli.

Pokok pangkalnya jelas beliau, seorang tokoh ulama besar, Dr Karim Zaidan, dalam buku tulisannya, *Fiqh Dakwah*, merungkai bahawa Islam itu sesuai untuk sepanjang zaman walaupun wujud teknologi baru. Atas epistemologi berkenaan para pendakwah perlu menggunakan pelbagai pendekatan. (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014)

Pandangan Mengenai Doktor Zulkifli

Berkenaan keperibadian dan akhlak Dr. Zulkifli al-Bakri yang dapat adalah seperti berikut:

- 1) Suka menerima tetamu dan menjamu orang makan
Beliau seorang yang sangat suka menerima tetamu dan menjamu orang makan. Beliau sering berpesan bahawa kedatangan tetamu ini disertai dengan rahmat dari Allah.
- 2) Sentiasa menulis
Beliau seorang yang kaya dengan pelbagai idea dan cadangan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan menurut hukum syara'. Sering kali isu yang berlaku di ulas oleh beliau mengikut garis panduan syara' bagi menyelesaikan kemelut permasalahan umat.
- 3) Kuat membaca
Tidak dapat dinafikan melalui pelbagai karya penulisan beliau menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang sangat kuat membaca di zaman mudanya dan juga kini.
- 4) Mesra dan mudah diikuti
Beliau seorang yang sangat mesra dan mudah didekati oleh sesiapa sahaja. Beliau selalu berpesan, "biar ramai kawan jangan ramai musuh" (Aina Aqilah Amran dan Salsabila Isa, 2014).

Penutup

Al-Fadhil Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri merupakan mufti dan ulama yang aktif dalam bidang dakwah, beliau mendapat pendidikan di dalam dan luar negara. Al-Fadhil Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, tokoh ilmuan terkemuka, berpengalaman sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Terengganu. Beliau telah dilantik sebagai Mufti Wilayah Persekutuan hingga kini. Beliau merupakan pengasas pondok moden al-Abaqirah dan institut hadith iaitu Maalim al-Sunan li Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyah di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Moga ia dapat dijadikan teladan kepada masyarakat umum dari sudut kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu dan ketokohnya.

Rujukan

- Adelina Nasution. (2018). Narsisme Ulama:Dilema dan Posibilitias Rekonstruksi Ushul Fiqh di Indonesia. *al-Ahkam*, 219-243.
- Ahmad Zaini. (2014). Dakwah Melalui Media Cetak. *At T Jurnal Komunikasi Penyiaran Islamabsyir*, 59-75.
- Aina Aqilah Amran dan Salsabila Isa. (2014). *Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri*. Kajang: Kertas Kerja Subjek Tokoh Pendakwah, Jabatan Dakwah Akademi Islam KUIS.
- Safinah Ismail dan Syarul Azman Shahrudin. (2016). *Bintang - Bintang Dakwah*. Seri Kembangan: ebooks Centre.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2014). Dr Zulkifli Al Bakri. (A. A. Amran, Interviewer)